

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 DISEMBER 2022
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 18

Memperkukuh prestasi ekonomi

PEMBENTANGAN SEMULA BAJET 2023

Memperkukuh prestasi ekonomi

Oleh Sri Ayu Kartika
Amri, Mahaizura Abd
Malik dan Noor Hidayah
Tanzizi
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan terus mengutamakan usaha mempertingkatkan tahap sara diri rakyat dan pengeluaran makanan dalam Belanjawan 2023 yang dibentangkan semula Februari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Kerajaan Perpaduan pimpinannya membentangkan Belanjawan 2023 yang lebih

baik dalam memperjuangkan kesejahteraan rakyat dan memperkukuh prestasi ekonomi selaras agenda kemampanan.

"Dalam menangani cabaran kos sara hidup yang kian meningkat, kerajaan mengambil pendekatan lebih bersasar bagi melindungi rakyat susah serta penguasaan kecil dengan mengurangkan ketirisan subsidi kepada golongan kaya dan syarikat gergasi yang meraih keuntungan banyak.

"Sistem perlindungan sosial juga diperkukuh bagi melindungi golongan rentan dan mudah terjejas termasuk golongan pekerja in-

formal," katanya ketika membentangkan Rang Undang-Undang Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Sementara 2023 di Dewan Rakyat semalam.

Bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara, beliau berkata, kerajaan menggalakkan pelaburan swasta bernilai tambah tinggi ke arah menjana peluang pekerjaan berkualiti.

"Selain penyediaan insentif untuk sektor utama, pembaharuan sistem penyampaian awam diperhe-



Tanpa kelulusan Bajet Sementara, mulai 1 Januari nanti, kerajaan tidak dapat berfungsi!"

Anwar

bat bagi memudahkan urusan perniagaan dan menangani kerosakan birokrasi.

"Pelaburan awam pula diselenggarakan bagi memajukan pembangunan inklusif khususnya dalam mengurangkan jurang antara bandar

dan luar bandar serta antara wilayah terutama di Sabah dan Sarawak.

"Reformasi jentera pentadbiran awam diperlukan bagi meningkatkan integriti dan meningkatkan tatakelola demi mengoptimalkan sumber Kerajaan untuk manfaat rakyat," katanya.

Katanya, tahap keselamatan negara juga diperkukuh bukan saja di sempadan, namun dari perspektif jaminan makanan dan sumber tenaga," katanya.

Justeru itu beliau mengulangai keperluan Bajet Sementara atau Bajet Mini diluluskan Dewan Rakyat.

"Bajet 2023 dibentangkan

Kerajaan terdahulu pada 7 Oktober lalu tidak sempat dibahas dan diluluskan.

"Tanpa kelulusan Bajet Sementara, mulai 1 Januari nanti, kerajaan tidak dapat berfungsi dan tidak dapat menyediakan perkhidmatan asas seperti bekalan ubat di hospital serta pemberian makanan kepada pelajar memerlukan di sekolah.

"Ini juga termasuk bantuan kebajikan kepada golongan orang kurang upaya (OKU) dan penerima kebajikan lain dan pelbagai lagi perkhidmatan dan bantuan lain untuk kesejahteraan rakyat dan perniagaan," katanya.